

Headline	Jimah East Power tingkat kestabilan sistem grid nasional		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Bisnes	Page No	41
ArticleSize	196 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,029		



Jimah East Power tingkat kestabilan sistem grid nasional



Apabila siap kelak, Jimah East Power akan memiliki teknologi pembakaran arang batu Ultra Supercritical efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding sistem teknologi arang batu berhablur dengan 36 peratus kecekapan.

JIMAH East Power, projek infrastruktur yang dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di mukim Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan kini mencapai status 75 peratus siap berikutan keupayaan dan kepakaran TNB membangunkan projek-projek penjanaan elektrik negara.

Dalam satu kenyataan media TNB berkata, projek bernilai RM12 bilion itu dijangka siap mengikut jadual dan mencapai Tarikh Operasi Komersil (Commercial Operation Date) seawal pertengahan 2019 (unit pertama jana kuasa).

"Ia bakal meningkatkan kapasiti penjanaan TNB untuk negara daripada 51.8 peratus kepada 53.2 peratus.

"Ia menggunakan teknologi Ultra Supercritical, teknologi pembakaran arang batu yang efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding sistem teknologi arang batu berhablur (pulverised coal firing) dengan 36 peratus kecekapan," kata syarikat tersebut.

Projek dua unit jana kuasa dengan kapasiti 2,000MW (Megawatt) ini dapat mewujudkan peluang peniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat.

Apabila siap sepenuhnya pada Disember 2019 iaitu unit kedua dan terakhir jana kuasa, ia akan meningkatkan jumlah keseluruhan penjanaan elektrik negara kepada 26,897MW berbanding 24,138MW pada Disember 2017.